

# TEROKA KEWANGAN ISLAM MELALUI EKONOMI HALAL

BRUNEI  
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION  
MYCE 2021



**TIMBALAN** Pengarah Urusan, Operasi Monetari / Perkembangan dan Antarabangsa, AMBD, Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman pada ucapan pada persidangan berkenaan.

**BERAKAS**, Khamis, 3 Jun. - Persidangan Brunei Darussalam Islamic Capital Market (BICAM) 2021 diteruskan lagi hari ini bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Pada hari kedua persidangan tersebut, Timbalan Pengarah Urusan, Operasi Monetari / Perkembangan dan Antarabangsa, Autoriti Monetari Brunei

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Darussalam (AMBD), Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman menyampaikan ucapan yang bertajuk 'Brunei as an Inclusive Nation : A Value Proposition for Islamic Capital Market'.

Dayang Hajah Noorrafidah dalam pembentangnya antara lain mengongsikan, pencapaian-pencapaian utama dan inisiatif berterusan AMBD dalam mengembang maju kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD), termasuk sektor pasaran modal Islam, selaras dengan objektif di bawah Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint (2016-2025).

Beliau turut menyentuh mengenai cadangan nilai tambah bagi sektor kewangan Islam di NBD, termasuk meneroka inisiatif-inisiatif kewangan Islam melalui ekonomi halal secara end-to-end agar selaras dengan Maqasid Al-Syariah; menubuhkan pusat inovasi yang memfokuskan kepada produk kewangan dan FinTech Islam; mengenalkan produk pelaburan hijau dan lestari serta seterusnya dapat melengkapi inisiatif-inisiatif pusat-pusat kewangan serantau.

Persidangan kemudian diteruskan dengan sesi perbincangan bertajuk 'Creating a Climate of Inclusivity and Economic Mobility through Islamic Capital Market' yang disampaikan oleh para ahli panel dari Malaysia iaitu Ketua Pegawai Eksekutif, UOB Islamic Asset Management, Suhazi Reza Selamat dan Pengurus Polisi Kanan, SME Finance and Islamic

Finance Lead, Alliance for Financial Inclusion, Nik Mohd. Zainul Kamarun bin Nik Kamil. Sesi perbincangan dipengerusikan oleh Dr. Awang Haji Mohd. Hairul Azrin bin Haji Besar dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Sementara itu, sesi perbincangan bertajuk 'Breaking through the Halal Market : Opportunities and Challenges' disampaikan oleh tiga orang ahli panel iaitu Ketua Pegawai Eksekutif, Ghanim International Corporation Sdn. Bhd., NBD, Dr. Nur Rahman; Pengarah Urusan, Holistic Management Services Company, NBD, Awang Sabri bin Haji Mohd. Taha dan Regional Director (Asia), IdealRatings, Singapore, Ariff Sultan.

Sesi perbincangan tersebut dipengerusikan oleh Dr. Dayang Nur Tha'qifah Salihah binti Haji Mohd Salleh dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Sesi-sesi perbincangan Persidangan BICAM 2021 telah diadakan secara maya.

Persidangan BICAM 2021 dianjurkan oleh BILIF dengan kerjasama International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), Malaysia dan disokong oleh AMBD.

Pengendalian BICAM 2021 ini adalah bagi menyokong inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dalam mengelolakan minggu

**SEBAHAGIAN** daripada peserta yang hadir pada persidangan tersebut.



**ANTARA** yang menyertai Persidangan Brunei Darussalam Islamic Capital Market (BICAM) 2021.

pertama bagi Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) yang bertemakan 'Minggu Islam' (Islamic Week).

BICAM 2021 telah berjaya menarik penyertaan dari agensi-agensi kerajaan, pihak swasta serta pengamal-pengamal

dari sektor pasaran modal Islam tempatan dan antarabangsa.

Maklumat mengenai acara-acara serta program-program anjuran BILIF boleh diperoleh melalui akaun Instagram BILIF @BILIF.bn dan melalui Laman Sesawang BILIF di [www.bilif.com.bn](http://www.bilif.com.bn).



# Cabaran, inovasi kewangan sosial Islam



**BERAKAS**, Khamis, 3 Jun. - Persidangan Brunei Darussalam Islamic Capital Market (BICAM) 2021 pada hari kedua menampilkan panel-panel tempatan dan luar



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**ANTARA** ahli panel pada Persidangan Brunei Darussalam Islamic Capital Market (BICAM) 2021.

negara dalam membincangkan amalan terbaik, cabaran dan inovasi bagi mengembangkan lagi peranan dalam kewangan sosial Islam.

Persidangan pada sebelah petang tersebut berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Terdahulu, persidangan dimulakan dengan pembentangan khas yang disampaikan oleh Peneraju Ekonomi Penyelidikan, Institusi Penyelidikan Islam dan Latihan (IRTI), Arab Saudi, Dr. Mohammed Obaidullah yang mengongsikan mengenai 'Islamic Social Finance : A Case Study of IsDB Innovate'.

Persidangan kemudian diteruskan dengan sesi perbincangan bertajuk 'Viability

of Islamic Social Finance as Instruments of Economic Growth' yang disampaikan oleh tiga ahli panel terdiri daripada Ketua Pegawai Pemasaran, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar; Profesor Madya Department of Islamic Economics, IPB University, Indonesia and Member of Board of Commissioner, Indonesia Waqf Board (BWI - Badan Wakaf Indonesia), Profesor Madya Dr. Irfan Syauqi Beik; dan Group Managing Director, Ethis, Singapura, Mr. Umar Munshi.

Sesi perbincangan tersebut dipengerusikan oleh Penolong Profesor Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SBE), Universiti Brunei Darussalam, Pengiran Dr. Haji Mohammad Hasnol Alwee bin Pengiran Haji Mohd. Salleh.

Sementara itu, sesi perbincangan bertajuk 'Innovative Islamic Finance Solutions to Promote Inclusivity' disampaikan oleh tiga ahli panel iaitu Ketua Pegawai Eksekutif, BIMB Investment Management Bhd, Malaysia, Mr. Najmuddin Mohd Lutfi; Chief Product Officer, Fasset, United Arab Emirates, Mr. Aziz Zainuddin; dan Ketua Pegawai Eksekutif, Pergas Holdings, Singapura, Dr. Shamsiah Abdul Karim.

Sesi perbincangan itu dipengerusikan oleh Founder Jana Kapital, Brunei Darussalam, Awang Haji Aidil Bahrin bin Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Salleh.



**KETUA** Pegawai Pemasaran, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar pada sesi perbincangan.

Mengambil kira pandemik global COVID-19 yang masih berleluasa di luar negara, BICAM 2021 diadakan secara hybrid. Pembentang dan peserta tempatan hadir secara fizikal, sementara peserta-peserta antarabangsa menyertai secara maya.

Pengendalian BICAM 2021 ini adalah bagi menyokong inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam mengelolakan minggu pertama bagi Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) yang bertemakan 'Minggu Islam' (Islamic Week).

**SEBAHAGIAN** peserta yang mendengarkan pembentangan tersebut.